

Transformatif Pelajar B40 Mendepani Norma Digital: Wakaf Pendidikan Digital Alternatif Terbaik

[Transformative B40 Students Facing Digital Norms: Best Alternative Digital Education Waqf]

Nur Syamilah Md Noor

Jabatan Pentadbiran Muamalat, Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam
Perlis, 02000, Malaysia, nsyamila@kuips.edu.my

Nur Syaedah Kamis

Jabatan Kewangan Islam, Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam Perlis,
02000, Malaysia, nursyaedah@kuips.edu.my

Mardziah Mohd Isa

Jabatan Pentadbiran Muamalat, Fakulti Muamalat dan Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam
Perlis, 02000, Malaysia, mardziah@kuips.edu.my

Article
Progress:

Submission date:
01 Dec 2024
Accepted date:
20 Dec 2024

ABSTRACT

The national education system will face the fourth phase of the system by 2025, which is the digitalization of Education. Digital education remains relevant and continuous even though the pandemic has ended to support Malaysia's digital education policy implemented by the Ministry of Education Malaysia. The National Digital Education Policy has received the approval of the Cabinet to be implemented immediately to ensure digital fluency among teachers, students, and school leaders. This study aims to measure the transformative level of B40 students undergoing fully digital education at home when the country is hit by the covid 19 pandemic. The involvement in learning of B40 secondary school students in the state of Perlis was measured descriptively through three segments, namely the acceptance of digital learning at home, mastery of technology skills and the excellence of B40 secondary school students in the state of Perlis. This measurement was taken from the perspective of teachers who have experience teaching during Home Teaching and Learning (PdPr) and have B40 students in their classes to be respondents in this study. The results of the study show the transformative level of students in terms of acceptance, mastery of technology and excellence of B40 students during the implementation of PdPr. Therefore, this study proposes a future study on digital education endowments to be implemented as an alternative to help increase the acceptance and excellence of B40 students in digital learning. The results of this study will have an impact on various parties such as the Ministry of Education Malaysia, teachers, parents, and other stakeholders to be more sensitive and concerned about B40 students so that they are not left behind and drop out in digital learning.

Keywords: Digital education, B40 students, Education waqf, Perlis

PENDAHULUAN

Era pandemik covid-19 yang telah mengubah pelaksanaan pendidikan di Malaysia daripada pendidikan secara bersemuka kepada pendidikan digital sepenuhnya dan dijalankan dari rumah. Pengoperasian institusi pendidikan telah ditutup dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan bagi mengekang penularan pandemik covid-19. Lantaran itu, pendidikan secara digital telah berlaku dalam keadaan para guru dan murid tidak bersedia untuk menjalankan pembelajaran dan pengajaran dari rumah secara digital (Saadiah, 2021). Sistem pendidikan digital yang berteraskan pembelajaran dan pengajaran secara atas talian telah menyebabkan para pelajar perlu memiliki peralatan pembelajaran seperti komputer riba, telefon bimbit, mesin pengimbas, mesin pencetak dan langganan jaringan jalur lebar. Namun, ianya menjadi penghalang kepada para pelajar yang tidak berkemampuan untuk memiliki peralatan tersebut dan mengalami keciciran dalam pembelajaran.

Seramai 90% pelajar di negeri-negeri miskin seperti Kelantan, Kedah dan Sabah dilaporkan tidak mempunyai komputer riba bagi tujuan pembelajaran. Negeri Perlis juga adalah negeri yang terkesan dengan peningkatan kadar kemiskinan dalam kalangan Ketua Isi Rumah (KIR) di negeri ini akibat pandemik covid-19 dan penyelarasan paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang baharu. Berdasarkan data terkini sistem e-Kasih hingga Julai 2022, bilangan KIR Miskin Tegar Perlis adalah sebanyak 3,992 orang manakala KIR Miskin 8,117 orang (Ummoonline, 2022). Ketiadaan peranti semasa pendidikan digital dijalankan sepenuhnya dari rumah telah menyukarkan proses pembelajaran dan pengajaran (PnP) untuk dilaksanakan (Rahim, 2021). Selain itu, capaian internet yang lemah telah mengganggu sesi PnP secara digital (Hafiy & Narowi, 2021; Ag. Ahmad & M. Yusof, 2021). Para pelajar tidak bersedia untuk menjalankan pembelajaran secara digital kerana wujudnya ketidakseimbangan peluang akibat lokaliti pelajar berbeza-beza dan ketiadaan peralatan seperti telefon dan komputer riba. Keterbatasan yang dialami telah melemahkan minat para pelajar untuk menjalankan pembelajaran secara digital kerana kos yang tinggi diperlukan untuk pembelian peranti dan capaian internet (Ismail et al., 2020).

Tidak semua pelajar berkemampuan untuk memiliki peralatan gajet yang canggih serta mempunyai capaian jaringan internet yang baik bagi membolehkan mereka mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian ini. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 51.2% murid berasa tertekan semasa pembelajaran di rumah. Daripada kumpulan itu 48.9% murid menyatakan tertekan kerana interaksi yang terhad dengan guru, manakala 55.0% murid tertekan

disebabkan interaksi terhad dengan rakan-rakan dan 53.4% pelajar tertekan disebabkan kurang bimbingan dalam sesi pembelajaran (FMT,2022). Keadaan ini bermula dengan arahan KPM untuk mewajibkan pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sambutan pelajar terhadap PdPR dilihat kurang menggalakkan. Salah satu faktor yang dibimbangi adalah kerana tidak semua pelajar mempunyai kelengkapan mencukupi untuk mengikuti PdPR dan terpaksa berkongsi gajet bersama saudara yang lain ataupun hanya boleh mengikuti kelas pada waktu malam.

Perspektif para guru boleh dijadikan bukti untuk menjelaskan permasalahan menyebabkan proses pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian tidak berhasil sepenuhnya dan tidak dapat memberikan kesan positif kepada pelajar. Oleh itu, kajian ini dibuat untuk mengukur tahap penerimaan, tahap penguasaan kemahiran teknologi dan tahap kecemerlangan pelajar sekolah menengah B40 di negeri Perlis semasa PdPR menurut pandangan guru kerana guru adalah sample terbaik untuk mendapatkan persepsi yang lebih bersifat holistik dan mampu untuk dijadikan rujukan yang lebih efektif dalam bidang ini (Mohd Amin,2021).

KAJIAN LITERATUR

Implikasi penularan pandemik Covid-19 ini telah memberi kesan kepada sistem pendidikan negara yang membawa perubahan kepada sistem pendidikan di seluruh institusi pendidikan di negara ini. Penutupan seluruh institusi pendidikan termasuk institusi pendidikan sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti secara fizikal telah mewujudkan suatu peralihan pembelajaran dan pengajaran secara fizikal kepada pembelajaran dan pengajaran dari rumah (PdPR). Menurut Chukwuemeka, Dominic & Kareem, 2020; Joshi, Vinay & Bhaskar, 2021, penggunaan aplikasi digital secara meluas dalam sektor pendidikan perlu ditingkatkan pelaksanaannya dalam konteks pengajaran, pembelajaran dan penilaian menggunakan aplikasi digital dan teknologi komputer. Kesan daripada serangan Covid-19 ini telah mengubah sejarah sistem pendidikan dunia yang menyebabkan kerencanan pembelajaran 1.6 bilion buah negara melibatkan negara berpendapatan tinggi dan juga rendah (De Giusti, 2020).

Negara Malaysia juga tidak terkecuali terkesan daripada Covid-19 ini dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan PdPR iaitu pengajaran dan pembelajaran di rumah dengan penggunaan teknologi digital sebagai medium dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran terutamanya di semua peringkat pendidikan tinggi, menengah dan rendah. Ini bertujuan membendung keciciran pendidikan dan seterusnya mencegah penularan virus Covid-

19 yang melanda seluruh negara. PdPR adalah salah satu kaedah pembelajaran yang menerapkan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (Afriyanti, Wardono & Kartono, 2018). Oleh itu, pembelajaran dalam talian adalah satu-satunya cara untuk memastikan sesebuah pembelajaran itu masih boleh dilaksanakan tanpa mengira tempat dan masa (Md Noor Salleh, 2019).

Menurut Mohd Salleh et al. (2020), PdPR adalah satu-satunya inisiatif dalam melangsungkan pembelajaran walaupun tanpa pertemuan fizikal antara guru dan murid. Perlaksanaan PdPR ini juga melibatkan hampir di seluruh dunia semasa pandemik covid-19 melanda (Dong, Cao & Li, 2020). Walaubagaimanapun, terdapat dapatan kajian lepas yang membuktikan hasil positif terhadap pembelajaran atas talian, namun tahap kualiti pembelajaran PdPR masih rendah berbanding pembelajaran bersemuka (Hodges, Moore & Lockee, 2020).

Selain itu, Dong et al. (2020) menyatakan bahawa persepsi dan tahap kesediaan ibu bapa dan para guru terhadap pembelajaran atas talian masih rendah dan guru-guru ada yang belum bersedia untuk melengkapkan diri dengan kemahiran untuk melaksanakan pembelajaran atas talian dari rumah. Hal ini menyebabkan terdapat kekangan dan cabaran yang perlu dihadapi oleh guru dan pelajar untuk turut sama melaksanakan pembelajaran dalam talian (Yahaya et al., 2020). Sebagai contoh, aplikasi zoom, Google Meet, Webex dan sebagainya kurang mendapat pendedahan tentang platform penggunaan di kalangan para guru dan pelajar (Foon & Sum, 2004). Kaedah penilaian dalam talian juga sukar dan terhad turut membimbangkan para guru. Para guru juga amat merisaukan tentang penyertaan kehadiran para pelajar semasa PdPR yang dijalankan (Zhu et al., 2018).

Tambahan lagi, persepsi dan cabaran pelajar terhadap pembelajaran atas talian semasa pandemik covid-19 juga harus diambil kira dan dipandang serius (Sah Alam et al., 2020). Kesediaan pelajar untuk menerajui pembelajaran sendiri melalui pembelajaran atas talian di rumah juga perlu diambil perhatian (Ajmal & Ahmad, 2019). Ini kerana para pelajar mempunyai latar belakang ekonomi dan sosial yang berbeza, contohnya bagi pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar akan menyukarkan mereka bagi persiapan PdPR ini sekiranya terdapat masalah gangguan internet yang kerap terputus menjadi cabaran dan halangan terbesar yang dihadapi pelajar semasa PdPR dijalankan (Sah Alam et al., 2020). Faktor-faktor yang disebutkan ini boleh memberi kesan terhadap penerimaan pelajar untuk menjalani pengajaran dan pembelajaran dari rumah secara atas talian (Hung et al., 2010).

Di samping itu, cabaran untuk menjalankan PdPR perlu dititikberatkan supaya momentum para guru dan pelajar yang sedang menjalani pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19 ini tidak merudum jatuh dan lebih teruk lagi, membuatkan motivasi mereka

untuk mengikuti pembelajaran dalam talian terus hilang. PdPR yang dibina haruslah mempunyai potensi untuk menjana minat dan motivasi pelajar, menggalakkan pemikiran kritis dan kreatif, meningkatkan pengetahuan dan interaktiviti dalam kalangan pelajar (Shafinah Mamat, 2020).

Penggunaan pelbagai platform dalam talian seperti laman media sosial boleh digunakan sebagai pusat interaksi antara guru dan pelajar (Yusup Hashim, 2012). Tambahan lagi, guru perlu menjadi kreatif untuk memulakan perbincangan dan perkongsian idea dalam kalangan pelajar untuk mengasah kemahiran pemikiran kritis dan sekaligus meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar (Chear & Yunus, 2019). Kualiti PdPR harus diberi keutamaan dalam merangka pembelajaran dalam talian. Ianya bukanlah kaedah pembelajaran untuk menghabiskan silibus pembelajaran semata bahkan diharapkan sebagai alternatif berkesan pada pandemik ini dalam melahirkan pelajar yang berdaya saing, inovatif dan bercirikan abad ke-21.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah suatu kajian berbentuk deskriptif kuantitatif. Reka bentuk deskriptif kuantitatif digunakan untuk mengumpul maklumat tentang sesuatu pembolehubah tanpa mengubah persekitaran atau memanipulasi sebarang pembolehubah, dan ianya tidak menyiasat sebarang keberangkalian hubungan sebab dan akibat (Baker, 2017). Tujuan kajian deskriptif adalah untuk menerangkan dan mentafsir status semasa individu (Meller, 2014). Kajian tinjauan ini salah satu bentuk pendekatan bagi kajian deskriptif kuantitatif. Tujuan kajian tinjauan ini adalah untuk menerangkan ciri-ciri sekumpulan populasi yang mana dalam teknik ini, pengkaji mentadbir beberapa jenis tinjauan atau soal selidik kepada sampel individu untuk menerangkan sikap, pendapat, tingkah laku, pengalaman atau ciri-ciri populasi yang lain (Creswell, 2005). Maka, bagi tujuan kajian ini, reka bentuk deskriptif kuantitatif dengan menggunakan pendekatan tinjauan melalui soal selidik adalah dipilih untuk menjawab persoalan dan objektif penyelidikan ini.

Reka bentuk tinjauan secara soal selidik akan digunakan bagi meninjau pandangan guru terhadap tahap penerimaan pelajar sekolah menengah B40 negeri Perlis semasa pembelajaran secara pdpr. Guru sekolah menengah Perlis dipilih sebagai sampel kajian ini kerana mereka adalah pihak berkepentingan yang melihat dan menilai sendiri perkembangan pembelajaran pelajar sekolah menengah B40 secara bersistem semasa pembelajaran secara pdpr dijalankan. Jangkaan sampel kajian ini adalah terdiri daripada 330 guru sekolah menengah di Perlis ($n=330$). Bagi memastikan peluang yang sama untuk terpilih menjadi responden, pemilihan sampel secara rawak akan dilaksanakan dalam kajian ini (Jusof & Hamza, 2020). Penentuan saiz sampel ini adalah berdasarkan penentuan saiz sampel bagi kajian deskriptif kuantitatif yang telah disediakan

oleh Kaur (2017) dan pengiraan dibuat menggunakan software di atas talian (Sample Size Calculator by Raosoft, Inc., n.d.). Saiz ini adalah bersesuaian dengan populasi guru sekolah menengah di negeri Perlis iaitu seramai 2330 manakalah unit analisis kajian ini adalah individu guru sekolah menengah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah suatu set soal selidik yang dibentuk untuk mengenalpasti pandangan guru sekolah menengah B40 di negeri Perlis terhadap terhadap tahap penerimaan pelajar sekolah menengah B40 negeri Perlis semasa pembelajaran secara pdpr. Instrumen kajian ini akan diolah dan diadaptasi daripada instrumen yang digunakan dalam kajian lepas oleh Mohd Amin dan Mohamad Nasri (2021) dalam “Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah terhadap Pembelajaran dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19”. Instrumen yang dihasilkan adalah dalam bentuk elektronik iaitu menggunakan aplikasi Google Form dan akan diedarkan secara atas talian melalui email, whatsapp, dan lain-lain laman media sosial. Jangkaan tempoh instrumen ini dikeluarkan kepada responden adalah bermula 13hb Disember 2021 sehingga 2hb Januari 2022.

Sebelum instrumen tersebut dikeluarkan kepada responden, kesahan kandungan instrumen akan dilakukan dengan merujuk kepada pakar bidang dan suatu kajian rintis akan dijalankan untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan keatas 30 responden (Machin et al., 2018). Data yang diperoleh daripada kajian rintis dan secara keseluruhan kajian akan dianalisa dengan menggunakan perisian *Statistic Package for Social Science (SPSS 24)*.

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

Hasil dari kajian ini akan dibincangkan di bahagian ini. Kajian rintis telah dilakukan sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis ini dilaksanakan terlebih dahulu kerana ia dapat menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Dalam kajian ini, kajian rintis dijalankan kepada 30 responden dalam kalangan guru di negeri Perlis yang dipilih secara rawak. Hasil kajian rintis yang telah dijalankan didapati nilai kebolehpercayaan keseluruhan item (16 items) ialah $\alpha = 0.951$. Menurut Hair et al. (2014), nilai pekali bagi Cronbach Alpha melebihi 0.70 adalah diterima bagi sesebuah kajian. Sekiranya melebihi 0.90 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan juga boleh digunakan untuk tujuan peringkat awal kajian rintis. Jadual 1 di bawah menunjukkan nilai kebolehpercayaan item bagi setiap pembolehubah dalam kajian ini.

Jadual 1 Hasil Kajian kebolehpercayaan mengikut pembolehubah

Objektif	Nilai alpha	Hasil kajian rintis
1. Tahap penerimaan pelajar sekolah menengah B40 terhadap pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) atas talian di negeri Perlis	0.940	>0.600- item mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi
2. Tahap penguasaan kemahiran teknologi pelajar sekolah menengah B40 semasa pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) atas talian.	0.806	>0.600- item mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi
3. Tahap kecemerlangan pelajar sekolah menengah B40 semasa pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (pdpr) atas talian.	0.912	>0.600- item mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi

Tahap penerimaan pelajar sekolah menengah B40 terhadap pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) atas talian di negeri Perlis.

Jadual 2 *Min pembolehubah*

	Min	Max	Mean	Std. Deviation
MEANTP	1.00	3.17	2.1350	0.52528

Jadual 2 menunjukkan skor min bagi tahap penerimaan pelajar sekolah menengah B40 terhadap pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) atas talian di negeri Perlis. Berdasarkan jadual di atas, didapati semua item berada pada **tahap rendah** dan nilai min keseluruhan adalah 2.13 iaitu berada pada tahap rendah bagi penerimaan pelajar B40 terhadap PdPr menurut pandangan guru. Item 5 merupakan item paling tinggi nilai min iaitu 2.33 yang masih di tahap rendah. Ini menunjukkan para guru berpandangan bahawa pelajar tidak dapat menerima sepenuhnya pembelajaran PdPr secara atas talian (Jadual 3). Dapatan ini adalah bertepatan dengan kajian lepas oleh Hung et al.(2010) yang menyatakan terdapat banyak faktor yang memberi kesan terhadap penerimaan pelajar untuk menjalani pengajaran dan pembelajaran dari rumah secara atas talian(PdPr).

Jadual 3 *Min Mengikut Item*

Kod	Deskripsi	Min
TP1	Kehadiran pelajar sekolah menengah B40 didalam kelas secara PDPR atas talian adalah penuh.	1.93
TP2	Pelajar sekolah menengah B40 mudah mengikuti pembelajaran di dalam kelas secara PDPR atas talian.	2.03
TP3	Pelajar sekolah menengah B40 berinteraktif secara aktif dengan guru dan murid-murid lain semasa pembelajaran di dalam kelas secara PDPR atas talian.	2.14
TP4	Pelajar sekolah menengah B40 memberikan tumpuan yang penuh terhadap pembelajaran di dalam kelas secara PDPR atas talian	2.13
TP5	Pelajar sekolah menengah B40 mahu menggunakan aplikasi pembelajaran yang digunakan di dalam kelas secara PDPR atas talian.	2.33
TP6	Pelajar sekolah menengah B40 menunjukkan keseronokkan belajar secara PDPR atas talian.	2.25

Tahap penguasaan kemahiran teknologi pelajar sekolah menengah B40 semasa pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) atas talian.

Jadual 4 *Min pembolehubah*

	Min	Max	Mean	Std. Deviation
MEANTP	1.00	3.60	2.5120	0.50638

Jadual 4 menunjukkan skor min bagi tahap penguasaan kemahiran teknologi pelajar sekolah menengah B40 semasa pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) atas talian adalah pada **tahap sederhana** iaitu Min keseluruhan adalah 2.51. Kesemua 5 item yang dikemukakan berada pada tahap rendah ke sederhana. Sebagai rumusan, pelajar sekolah menengah B40 yang mengikuti pembelajaran PdPr masih tidak dapat menguasai sepenuhnya kemahiran teknologi yang digunakan semasa pembelajaran seperti kemahiran komputer serta penggunaan aplikasi seperti *Google Meet*, *Google Classroom*, *Zoom* dan lain-lain. Dapatan ini menunjukkan penggunaan aplikasi *zoom*, *Google Meet*, *Webex* dan sebagainya kurang mendapat pendedahan tentang platform penggunaan di kalangan para guru dan pelajar semasa pembelajaran secara fizikal lagi (Foon & Sum, 2004). Item 5 juga menunjukkan min pada tahap rendah kerana guru berpandangan pelajar tidak bersedia melaksanakan dan menghantar tugasan

secara digital kepada guru (Jadual 5). Dapatan ini dapat dibuktikan dari kajian lepas oleh Saadiah (2021) dengan kenyataan bahawa pendidikan secara digital telah berlaku dalam keadaan para guru dan murid tidak bersedia untuk menjalankan pembelajaran dan pengajaran dari rumah secara digital.

Jadual 5 *Min Mengikut Item*

Kod	Deskripsi	Min
TPKEMT1	Pelajar sekolah menengah B40 mempunyai kemahiran dalam mengendalikan komputer dan telefon pintar dengan baik bagi mengikuti kelas secara atas talian semasa PDPR atas talian.	2.55
TPKEMT2	Pelajar sekolah menengah B40 sentiasa meningkatkan kemahiran dalam menggunakan teknologi semasa PDPR atas talian.	2.47
TPKEMT3	Pelajar sekolah menengah B40 mahir menggunakan aplikasi pembelajaran yang digunakan di dalam kelas secara PDPR atas talian.	2.53
TPKEMT4	Aplikasi yang digunakan oleh guru semasa PDPR atas talian mudah digunakan oleh Pelajar sekolah menengah B40.	2.92
TPKEMT5	Pelajar sekolah menengah B40 dapat menyiapkan semua tugas yang diberikan oleh guru secara digital.	2.09

Tahap kecemerlangan pelajar sekolah menengah B40 semasa pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (pdpr) atas talian.

Jadual 6 *Min pembolehubah*

	Min	Max	Mean	Std. Deviation
MEANTP	1.00	4.00	2.1240	.53241

Jadual 6 menunjukkan skor min bagi tahap kecemerlangan pelajar sekolah menengah B40 semasa pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (pdpr) atas talian adalah **rendah** dengan skor min keseluruhan item adalah 2.12. Item 3 merupakan item paling rendah nilai min iaitu 2.04 diikuti item 2 dan 5 dengan nilai min 2.12. Kesimpulannya, didapati bahawa pelajar sekolah menengah B40 yang menjalani kelas pembelajaran secara pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) secara atas talian yang telah menduduki ujian dan peperiksaan menunjukkan keputusan yang kurang cemerlang. Menurut guru-guru sekolah, prestasi pelajar juga menurun kerana mereka tidak dapat menguasai kesemua objektif pembelajaran dengan baik kerana mempunyai pelbagai kekangan seperti ketiadaan alatan pembelajaran serta capaian internet yang sangat lemah (Jadual 7). Kajian lepas oleh Ismail et al. (2020) juga menyokong dapatan kajian ini iaitu capaian internet dan alatan pembelajaran menjadi kekangan ataupun

keterbatasan kepada pelajar membawa kepada berputus asa dan hilang semangat untuk meneruskan pembelajaran secara digital.

Jadual 7 *Min Mengikut Item*

Kod	Deskripsi	Min
TK1	Pelajar sekolah menengah B40 dapat menguasai kesemua objektif pembelajaran dengan baik.	2.15
TK2	Pelajar sekolah menengah B40 dapat menyiapkan segala tugas yang diberikan dengan baik.	2.12
TK3	Keputusan peperiksaan pelajar sekolah menengah B40 adalah cemerlang semasa PDPR.	2.04
TK4	Berlaku peningkatan band pada tahap penguasaan pembelajaran pelajar sekolah menengah B40 secara signifikan.	2.19
TK5	Prestasi pelajar sekolah menengah B40 meningkat semasa pembelajaran secara PDPR di dalam kelas.	2.12

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini meninjau survival para pelajar sekolah menengah B40 di negeri Perlis dengan meninjau pandangan dari guru-guru yang mengajar menggunakan kaedah deskriptif kuantitatif. Hasil kajian menunjukkan survival para pelajar sekolah menengah B40 semasa pelaksanaan pendidikan digital semasa pandemik adalah pada aras yang rendah melihat tahap penerimaan pendidikan digital adalah rendah. Ini disokong dengan kehadiran pelajar semasa PdPR juga adalah tidak memberansangkan. Walaupun tahap penguasaan kemahiran teknologi di kalangan pelajar sekolah menengah B40 adalah sederhana, tahap kecemerlangan mereka adalah rendah dan kajian mendapati responden adalah tidak bersetuju presetasi pelajar meningkat semasa PdPR. Secara keseluruhannya kajian ini turut memenuhi gap dalam kajian-kajian yang lepas dan menambahkan literatur dalam kajian berkaitan pendidikan digital.

Hasil kajian ini akan memberikan kesan yang positif kepada masyarakat dengan menunjukkan keberhasilan pembelajaran secara PDPR yang perlu dititikberatkan oleh masyarakat terutamanya ibu-bapa sekiranya berlaku kaedah pembelajaran secara jarak jauh dan atas talian. Dapatan kajian ini juga dapat meningkatkan kepekaan masyarakat kepada pelajar sekolah menengah B40 di negeri Perlis yang menjalankan pembelajaran secara PDPR. Selain itu, dapatan ini juga akan memberi ruang kepada masyarakat dan NGO yang berkemampuan untuk melakukan amal kebajikan dengan memberi bantuan peralatan pembelajaran secara digital dan jarak jauh seperti komputer riba, komputer tablet, telefon, jaringan jalur lebar (wifi)

dan lain-lain kepada pelajar sekolah menengah B40 terutamanya bagi membantu pembelajaran secara PDPR berjalan secara kondusif dan teratur. Ini juga memberi peluang kepada pelaksanaan wakaf pendidikan digital di dalam negeri Perlis.

Hasil kajian ini akan memberikan implikasi perkembangan ekonomi dalam penjanaaan pendapatan dalam penjualan mengikut harga mampu milik peralatan pembelajaran secara digital dan jarak jauh seperti komputer riba, komputer tablet, telefon, jaringan jalur lebar (wifi) dan lain-lain yang boleh digunakan oleh pelajar sekolah menengah B40 dalam pembelajaran secara jarak jauh dan atas talian atau PDPR.

Hasil kajian ini akan memberi kesan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pembelajaran secara PDPR agar ianya dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan praktikal seperti penyediaan peralatan pembelajaran secara digital dan jarak jauh seperti komputer riba, komputer tablet atau telefon disediakan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah B40 dan pembelajaran secara digital perlu terus diterapkan agar ia menjadi suatu norma dalam pendidikan di Malaysia. Hasil kajian ini juga dapat memberi kesan kepada kerajaan negeri Perlis yang sedang ke arah digital (Go Digital) dan pihak Majlis Agama Islam Perlis boleh memainkan peranan dalam melihat perkara ini untuk pelaksanaan wakaf pendidikan kepada pelajar sekolah menengah B40 di Perlis.

Kajian ini juga mencadangkan suatu kajian di masa hadapan seperti wakaf pendidikan digital sebagai alternatif untuk membantu meningkatkan tahap penerimaan pendidikan digital di kalangan pelajar B40 dan seterusnya menjamin kecemerlangan mereka seiring dengan dasar pendidikan digital yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia boleh dipertimbangkan.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah disokong oleh Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) melalui Skim Geran Jangka Masa Pendek 064.

RUJUKAN

- Afriyanti, I., Wardono, W., & Kartono, K. (2018). Pengembangan Literasi Matematika Mengacu PISA Melalui Pembelajaran Abad Ke-21 Berbasis Teknologi. In *PRISMA, Prosiding Seminar Nasional Matematika* (Vol. 1, pp. 608-617).
- Ajmal, M., & Ahmad, S. (2019). Exploration of Anxiety Factors among Students of Distance Learning: A Case Study of Allama Iqbal Open University. *Bulletin of Education and Research*, 41(2), 67-78.
- Baker, C. (2017). Quantitative research designs: Experimental, quasi-experimental, and descriptive. *Evidence-based practice: An integrative approach to research, administration, and practice*, 155-183.
- Chear, S. L. S., & Yunus, M. M. (2019). Strategi penerapan kemahiran abad ke-21 dalam latihan guru prasekolah. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 8(1), 1-10.
- Cheung, W. S., & Hew, K. F. (2004). Evaluating the extent of ill-structured problem solving process among pre-service teachers in an asynchronous online discussion and reflection log learning environment. *Journal of Educational Computing Research*, 30(3), 197-227.
- Chukwuemeka, E. J. Dominic, S., & Kareem, M. A. (2020). Redesigning Educational Delivery Systems : The Needs and Options for Continuous Learning during the Coronavirus (COVID-19) Pandemic in Nigeria Redesigning Educational Delivery Systems : The Needs and Options for Continuous Learning during the Coronavirus. December. <https://doi.org/https://doi.org/10.30935/cedtech/XXXX>
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (2nd ed.). Pearson Education.
- De Giusti, A. (2020). Policy Brief: Education during COVID-19 and beyond. *Revista Iberoamericana de Tecnología En Educación y Educación En Tecnología*, 26, e12. <https://doi.org/10.24215/18509959.26.e12>
- Dong, C., Cao, S., & Li, H. (2020). Young Children's Online Learning During COVID-19 Pandemic: Chinese Parents' Beliefs and Attitudes. *Children and Youth Services Review*, 118, 105440.
- Free Malaysia Today (September 21-2021). 51% murid sekolah rasa tertekan dengan PdPR, kata KPM. FMT Reporters. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/09/21/51-murid-sekolah-rasa-tertekan-dengan-pdpr-kata-kpm/>.

- Hodges, C. B., Moore, S., Lockee, B. B., Trust, T., & Bond, M. A. (2020). The difference between emergency remote teaching and online learning.
- Hung, M. L., Chou, C., Chen, C. H., & Own, Z. Y. (2010). Learner Readiness For Online Learning: Scale Development And Student Perceptions. *Computers & Education*, 55(3), 1080-1090.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022, February). Statistik Subnasional Negeri Perlis. In *Jabatan Perangkaan Malaysia* (ISBN 978-967-2000-88-4). <https://www.dosm.gov.my>
- Joshi, A., Vinay, M., & Bhaskar, P. (2021). Impact of Coronavirus Pandemic on the Indian Education sector: Perspectives of Teachers on Online Teaching and Assessments. *Interactive Technology and Smart Education*, 18 (2), 205-226. <https://doi.org/10.1108/ITSE-06-2020-0087>
- Kaur, S. (2017). Review article sample size determination (for descriptive studies). *International Journal of Current Research*, 9(3), 48365-48367. <https://www.journalcra.com/article/sample-size-determination-descriptive-studies>
- Machin, D., Campbell, M. J., Tan, S. B., & Tan, S. H. (2018, August 20). *Sample Sizes for Clinical, Laboratory and Epidemiology Studies* (4th ed.). Wiley-Blackwell.
- Mamat, S. (2020). Aplikasi Google Meet Dalam Program 3c Bagi Meningkatkan Motivasi Pelajar Tingkatan 5. *Proceedings of International Conference on Global Education VIII*, hlm. 140-150.
- S Mertler, C. A. (2014). *Action Research: Improving Schools and Empowering Educators* (4th ed.). SAGE Publications, Inc.
- Mohd Amin, N. A., & Mohamad Nasri, N. (2021). Kajian Tinjauan Persepsi Murid Sekolah Menengah Terhadap Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 344-361. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Sah Alam, S. N., Hassan, M.S., Sultan Mohideen, R., Ramlan, A.F., & Mohd Kamal, R. (2020). Online Distance Learning Readiness During Covid-19 Outbreak Among Undergraduate Students. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 10(5): 642-657.
- Saleh, M. N. (2019). *Berijazah Secara PJJ Di Malaysia Peluang, Cabaran, Ciri dan Gaya Pembelajaran Pelajar, dan Strategi Kejayaan (Penerbit USM)*. Penerbit USM.
- Sample Size Calculator by Raosoft, Inc.* (n.d.). Retrieved October 5, 2022, from <http://www.raosoft.com/samplesize.html>

- Yahaya, M., Hanafiah, R., Zakaria, N. S., Osman, R., & Bahrin, K. A. (2020). Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru-Guru Sekolah Rendah. *Jurnal IPDA*, 26(1), 13-24.
- Yusup, H. (2012). Penggunaan e-Pembelajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan (Doctoral dissertation, Asia e University).
- Zhu, M., Bonk, C.J., & Sari, A. R. (2018). Instructor Experiences Designing MOOCs in Higher Education: Pedagogical, Resource, and Logistical Considerations and Challenges. *online learning*, 22 (4), 203-241.